

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 9:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM dan MNS Kongsi Kepakaran Isu Berkaitan Alam Sekitar Ulu Muda



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Nazli Ismail

Gambar oleh: Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA)

UUM DAN MNS KONGSI KEPAKARAN ISU BERKAITAN ALAM SEKITAR ULU MUDA



UUM ONLINE: Kesedaran dan keprihatinan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar harus ditingkatkan dari semasa ke semasa kerana alam sekitar merupakan anugerah yang sangat bernilai yang perlu dijaga agar generasi akan datang akan dapat menikmati keindahannya.

Menyedari mengenai kepentingan menjaga alam sekitar terutamanya di kawasan kampus, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kerjasama strategik dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Pengarah Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA), Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat berkata, UUM telah memberikan tumpuan untuk membentuk sebuah kampus yang hijau dan lestari kepada pelajar, staf dan pengunjung UUM menjelang 2030.

Menurutnya, objektif utama kerjasama itu adalah untuk mewujudkan satu platform yang akan merangka plan tindakan serta pelaksanaan secara perkongsian pintar yang melibatkan kepakaran, fasiliti serta maklumat di antara UUM dan MNS.

Katanya, UUM telah mengambil langkah untuk membuat kerjasama strategik dengan MNS bagi memastikan perkongsian pintar dapat dilaksanakan dengan lebih baik pada masa hadapan.

“UUM merupakan sebuah kampus dikelilingi kawasan bukit dan mempunyai pokok pelbagai spesies yang membentuk kawasan yang hijau serta menarik, justeru UUM telah melaksanakan langkah untuk mengekalkan dan memelihara kawasan kampus daripada sebarang kemusnahan alam sekitar.

“Perkara sebegini adalah penting bagi memastikan pemegang taruh terdiri daripada mahasiswa, staf dan pelawat UUM akan berasa selesa ketika berada di dalam kampus,” katanya.

Bagi meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, Presiden MNS, Prof. Dr. Ahmad Ismail telah dijemput untuk memberi syarahan serta berkongsi amalan terbaik kepada staf dan mahasiswa UUM.

Dr. Nor Idayu berkata, UUM telah memberikan tumpuan bagi melaksanakan program *Living Campus* dan melalui pelaksanaan program tersebut UUM telah menetapkan sasaran untuk mewujudkan sebuah kampus yang menguruskan sumber tenaga secara mampan dan lestari.

Menurutnya, UUM dalam proses untuk merangka dan menyediakan sebuah *blueprint* berkaitan *Living Campus* yang akan digunakan sebagai panduan dalam proses pemeliharaan kawasan hijau di dalam kampus, selain penting bagi proses pembangunan yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

“UUM telah membentuk satu jawatankuasa *Living Campus* terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran pelbagai pusat pengajian serta jabatan. Sebelum ini, satu bengkel telah dilaksanakan yang melibatkan semua ahli dalam jawatankuasa *Living Campus* bagi membolehkan semua ahli untuk saling berkongsi pandangan dan mencari idea dalam pelaksanaan *Living Campus* yang mampan, sistematik serta lestari.

“Pelaksanaan *Living Campus* boleh menjadi perintis dan contoh kepada universiti lain, justeru ia amat penting dalam usaha dan inisiatif untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 dan UUM akan terus berusaha untuk memastikan SDG 2030 dapat direalisasikan dengan pelbagai program yang diperkenalkan,” katanya.

Tambah beliau lagi, pada masa ini, UUM bersama-sama MNS telah mula melaksanakan kajian khusus berkaitan Hutan Simpan Ulu Muda, Sik yang mana kajian ini penting bagi perancangan strategik untuk melindungi dan menjaga Hutan Simpan Ulu Muda daripada sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar dan masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut.

Menurutnya, Hutan Simpan Ulu Muda merupakan sebuah kawasan tadahan air yang penting kepada Negeri Kedah dan pembangunan di kawasan ini memerlukan pertimbangan dan dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan kawasan tadahan air tidak terjejas yang akan memberikan kesan kepada manusia.

“Sehubungan itu, aspek pemeliharaan Hutan Simpan Ulu Muda perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya kerajaan negeri dalam memastikan tiada aktiviti pembalakan dan pertanian dilakukan di kawasan ini.

“Kita tidak mahu terlalu bergantung kepada aktiviti pembalakan dan kerajaan perlu meneroka bidang ekonomi yang lain seperti menambahbaik nilai ekonomi pada hasil bumi Kedah,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.